

PERBINCANGAN BANGKIT LEBIH KUKUH

REFLEKSI KITA SEBAGAI WARGA SINGAPURA



COVID-19 telah menetapkan semula dunia dalam cara yang ketara. Inilah masa untuk kita menilai semula perkara yang kita hargai dan inginkan sebagai sebuah masyarakat.

Oleh sebab itu, Perbincangan Bangkit Lebih Kukuh (Emerging Stronger Conversations (ESCs)) telah dilancarkan pada bulan Jun 2020, sebahagian daripada gerakan Singapura Bersama. Ini adalah tentang kita semua bekerjasama antara satu sama lain dan dengan pemerintah, untuk pulih dari COVID-19 dan bangkit lebih kukuh. Lebih daripada 16,900 rakyat

Singapura daripada latar belakang dan pengalaman yang berbeza berkongsi pandangan mereka melalui ESC, serta dalam tinjauan dan platform maklum balas. Kami juga mengadakan perbincangan dalam bahasa ibunda, dan juga menyertakan individu kelainan upaya.

Perbincangan kita tidak boleh berhenti setakat ini. Pandemik ini masih belum berakhir. Kita mesti teruskan perbincangan sesama sendiri, memahami perkara yang sedang memunculkan, dan bekerja sama untuk mendapatkan idea dan penyelesaian.

Perbualan lanjut akan diadakan untuk lebih mendalami isu-isu khusus. Kami juga akan membentuk Perikatan untuk Bertindak Singapura Bersama (Singapore Together Alliances for Action (AfA)) dan kerjasama lain untuk menangani isu-isu penting bersama.

Kita berkongsi satu harapan yang sama – untuk warga yang lebih bersatu, masyarakat yang lebih adil dan saksama, dan tempat kita semua dapat menemukan kebahagiaan, kemakmuran, dan kemajuan.


Angka Pada Sekilas Pandang



Sejak 31 Disember 2020


TEMA UTAMA

Topik-topik ini adalah yang kerap dibincangkan dalam seluruh ESC:



PROFIL PESERTA


Jantina



Etnik



Usia



Yang Lain-lain 2%

15 Tema Utama



1 SOKONGAN SOSIAL

- Maruah mereka yang kurang berkemampuan
- Perlindungan bagi segmen yang terdedah
- Sokongan untuk pemberian dan kesukarelawan

2 IDENTITI KEBANGSAAN & NILAI BERSAMA

- Masyarakat yang berbelas kasihan dan kohesif
- Masyarakat yang berdaya tahan terangkum
- Definisi kejayaan yang lebih luas
- Mewujudkan lebih banyak ruang untuk perbualan yang jujur
- Sumber budaya kita

3 PEKERJAAN & EKONOMI

- Memikirkan semula pekerjaan dan tenaga kerja
- Sokongan untuk pekerja penting dan pekerja yang terdedah
- Sokongan untuk pencari kerja
- Sokongan untuk syarikat tempatan dan pekerja
- Bahagian pertumbuhan baru dan kedudukan kita sebagai hab ekonomi
- Takrifan kejayaan untuk perniagaan dan ekonomi

4 DIGITALISASI & TEKNOLOGI

- Merapatkan jurang digital
- Mentransformasikan pekerjaan, perniagaan dan ekonomi kita
- Memanfaatkan teknologi untuk sambungan sosial yang lebih baik
- Kebimbangan terhadap privasi, keselamatan siber, dan maklumat salah

5 PENTADBIRAN & PENGLIBATAN SIVIK

- Penyertaan warganegara yang lebih mendalam untuk pentadbiran yang lebih terangkum
- Seruan untuk lebih banyak perbualan

6 PENDIDIKAN & LATIHAN

- Sistem pendidikan kita
- Sokongan untuk guru dan pelajar

7 KESIHATAN & KESEJAHTERAAN

- Kesejahteraan mental sebagai keutamaan
- Menghadapi pandemik



8 PENJAGAAN UNTUK WARGA EMAS

- Penjagaan dan sokongan untuk warga emas
- Kecelikan digital untuk warga emas



9 KOMUNITI SINGAPURA KITA YANG PELBAGAI

- Komuniti yang terangkum untuk warga tempatan dan warga asing
- Penghargaan untuk pekerja asing dan penjagaan kebajikan mereka
- Amalan penggajian yang lebih telus bagi warga tempatan dan warga asing

10 PERSEKITARAN

- Mengekalkan fokus kita pada kelestarian alam sekitar
- Penggunaan yang bertanggungjawab dan pengurusan bahan buangan
- Mengukuhkan keselamatan makanan Singapura

11 KELUARGA

- Kepentingan keluarga dan memberi mereka sokongan
- Keganasan keluarga di Singapura



12 BANGSA & AGAMA

- Kepentingan kepelbagaian kaum, persefahaman dan kepaduan
- Bangsa dan agama dalam sistem pendidikan kita
- Dialog konstruktif tentang isu-isu bangsa dan agama

13 KESELAMATAN NEGARA & PERTAHANAN MUTLAK

- Peluang untuk mengukuhkan kepentingan pertahanan
- Menggalakkan lebih banyak penyertaan akar umbi dalam Pertahanan Mutlak

- Mengukuhkan pertahanan sosial dan psikologi melalui Singapura yang lebih baik dan terangkum
- Meningkatkan sokongan untuk kakitangan Perkhidmatan Negara

14 SENI & SUKAN

- Mengekalkan Seni dan Sukan
- Penghargaan untuk sektor seni

15 PERSEKITARAN BINAAN & KEMAMPUAN HIDUP

- Meningkatkan reka bentuk flat dan infrastruktur estet untuk menangani keperluan baharu
- Aspirasi untuk bandar lestari
- Membina sektor Persekitaran Binaan (BE) yang lebih berdaya tahan dan kohesif
- Menyokong rakyat Singapura dengan keperluan perumahan mereka

pengetahuan yang boleh anda peroleh apabila anda menanggalkan 'dinding, perisai, pelindung' anda dan berbual sahaja dengan seseorang yang jauh berbeza daripada anda."



MOHAMMED SHABIRIN BIN ARIFFIN
Ahli Akademik



Saya menyedari bahawa mereka yang menghadiri sesi hari ini adalah daripada kumpulan yang bernasib baik kerana kita hanya mengalami kesulitan semasa tempoh pemutus rantaian jangkitan.

Oleh yang demikian, kita harus menggunakan mana-mana platform yang tersedia untuk menggunakan suara kita demi kebaikan dan bersuara bagi pihak kumpulan rentan tentang masalah dan isu yang mereka hadapi akibat peningkatan dalam ketaksamaan ekonomi."



NURDIYANAH BINTE YAHYA
Pelatih Pembelajaran & Pembangunan



Komunikasi adalah kuncinya. Itulah cara kita mendapatkan sokongan daripada keluarga, jiran dan rakan kita untuk kekal positif dan bermotivasi terutamanya semasa masa yang sukar. Berupaya menyampaikan buah fikiran dan perasaan kita juga penting.

Malah, kita perlukan lebih banyak rakyat Singapura untuk menyertai perbualan ini, untuk berkongsi dan mendengar. Kita telah mempunyai komunikasi yang terbuka ini dan tidak kira umur atau latar belakang, anda boleh memainkan peranan. Juga, anda mungkin akan terkejut dengan

Marilah Dengar Pandangan Satu Sama Lain.
Daftar untuk Singapura Bersama Perbincangan Bangkit Lebih Kukuh Ketahui pendapat daripada para warga Singapura di www.sg/EmergingStrongerConversations.

